

TARIKH: 6/9/23.  
SURAT KHABAR: Sinar Harian  
MUKA SURAT: 25

## PERKESO bantu lelaki kudung bangkit daripada kemurungan

**KOTA BHARU** - Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Kelantan tampil membantu seorang lelaki kudung bangkit daripada kemurungan dengan pemberian kaki palsu dan pelbagai kelengkapan untuk perniagaan runcit yang diusahakan di rumahnya di Taman Sabariah, Pengkalan Chepa dekat sini.

Bapa kepada dua anak itu, Kamarudin Mohd Din, 52, hilang kaki kanan paras betis selepas dipotong di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Mei tahun lalu akibat kencing manis.

Menurutnya, selepas kehilangan sebelah kaki yang dipotong, dia dirundung kesedihan melampau hingga kemurungan hampir setahun.

"Saya buntu untuk kembali bekerja kerana sebagai ketua keluarga perlu menyara isteri dan dua anak termasuk seorang orang kurang upaya sehinggalah PERKESO menyalurkan bantuan kaki palsu," katanya ketika ditemui semasa serahan peralatan perniagaan bernilai RM4,000 oleh Pengarah PERKESO Kelantan, Nora Yaacob.

Sementara itu, Nora berkata, setakat ini pihaknya telah membantu 1,162 individu di negeri ini kembali mempunyai pendapatan melalui program *Return to Work* yang dijalankan bermula tahun 2017.

Ujarnya, mereka terdiri daripada individu memiliki insurans yang hilang upaya akibat penyakit kronik dan cedera selepas kemalangan termasuk di jalan raya.



Nora (tiga dari kiri) menyampaikan mesin pengisar kepada Kamarudin (tiga dari kanan).



Kamarudin melihat kaki palsu yang digunakan untuk membantunya berjalan.

Sinar Harian: Negeri MS 25 6/9/23